



**TEKS UCAPAN
PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA
PROFESOR MADYA Ts. DR. BASHARUDIN
BIN ABDUL HADI
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
PULAU PINANG**

SEMPENA

*“MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
INTERNATIONAL COMMUNITY SERVICE
COLLABORATION DI ANTARA UiTM CPP,
MALAYSIA DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA,
UNAIR, INDONESIA”*

DI

BILIK MESYUARAT UTAMA,
UiTM CPP KAMPUS BERTAM

PADA

8 JANUARI 2024 / 26 JAMADIL
AKHIR 1445H (ISNIN)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS.

- 1. Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah**
Penolong Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam
- 2. Yang Berusaha Dr. Dwi Wahyu Indriati, SS.I, Ph.D**
*Coordinator of the Medical Laboratory Study Program,
UNAIR*
- 3. Yang Berusaha Puan Nur Septia Handayani, S.K.M,
M.P.H**
*Lecturer of Medical Laboratory Technology Study
Program, UNAIR*
- 4. Yang Berusaha Puan Estu Meilani**
Lecturer of Physiotherapy Study Program, UNAIR
- 5. Yang Berusaha Puan Melya Rossa**
Lecturer of Physiotherapy Study Program, UNAIR
- 6. Yang Berusaha Tn Hj Ahmad Faizar Bin Jaafar**
Timbalan Ketua Pustakawan
- 7. Yang Berusaha Puan Nurkamarusyani Binti Mohd
Zain**
Timbalan Bendahari

**8. Yang Berusaha Ts. Dr. Wan Ismahanisa Binti
Ismail**

Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Sains Kesihatan

9. Yang Berusaha Barisan Pengurusan Kanan UiTM
Cawangan Pulau Pinang serta Barisan
Jawatankuasa Penganjur Majlis Perasmian Program
International Community Service Collaboration

10. Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian

Assalamualaikum W.R.T
Salam Malaysia Madani
Salam UiTM Dihatiku

اللهم صل على محمد وعلى آل محمد
كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم
وبارك على سيدنا محمد وعلى آل محمد
كما باركت على آل إبراهيم إنك حميد مجيد

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita **memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran** ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Program *International Community Service Collaboration*** di antara UiTM CPP, Malaysia dan Universitas Airlangga, UNAIR, Indonesia pada pagi ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi **penghargaan** kepada **UiTM CPP Kampus Bertam dan Fakulti Sains Kesihatan UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam** atas penganjuran program pada hari ini.
3. Tidak lupa rakan kolaborasi yang turut bersama iaitu delegasi dari **Universitas Airlangga, Indonesia**. Selamat Datang ke UiTM Cawangan

Pulau Pinang Kampus Bertam, Malaysia.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

3. **Kerjasama antarabangsa** antara universiti adalah **aspek penting dalam kemajuan akademik dan penyelidikan.** Kerjasama sedemikian menawarkan banyak faedah termasuk perkongsian pengetahuan, sumber dan kepakaran, memupuk pemahaman budaya dan menangani cabaran global.
4. Tambahan lagi, kerjasama universiti memerlukan komunikasi yang jelas, saling menghormati dan komitmen terhadap matlamat yang dikongsi bersama. Ia menyumbang bukan sahaja kepada kemajuan ilmu tetapi juga kepada pembangunan komuniti global yang menghargai kepelbagaian dan kerjasama.
5. Pihak UiTM CPP khususnya Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Kampus Bertam telah membentuk satu jaringan kerjasama merentas sempadan negara dengan pihak Universitas Airlangga bagi mencapai tujuan **kolaborasi khidmat masyarakat antarabangsa** menerusi beberapa **objektif yang lebih spesifik** iaitu dengan

(1) Meningkatkan kerjasama khidmat Masyarakat di peringkat global (2) Membina rangkaian dan kerjasama dengan rakan kongsi dalam pelaksanaan khidmat masyarakat antarabangsa (3) Membantu peningkatan ranking Universitas Airlangga dalam QS WUR (4) Meningkatkan kualiti alam sekitar di kawasan pantai dan (5) Meningkatkan pengetahuan kesihatan masyarakat di kawasan pantai .

6. **Pelbagai kebaikan** hasil dari program ini boleh didapati oleh banyak pihak. **Bagi pelajar**, peluang terbuka luas untuk mereka dalam **menyumbang, memberi kesan kepada komuniti, memupuk jaringan kerjasama dan mobiliti antara pelajar di peringkat antarabangsa dan menyediakan platform untuk mereka mengaplikasikan ilmu yang telah diperolehi semasa kuliah.**

7. Bagi **para ahli akademik** pula, kerjasama ini memberi ruang dan peluang untuk **membina rangkaian global dalam pelaksanaan khidmat masyarakat di samping menyumbang kepada peningkatan pemulihan alam sekitar serta peningkatan status kesihatan awam di peringkat antarabangsa.**

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian

8. UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam sememangnya **berhasrat untuk terus menjadi rakan strategik utama kepada Universitas Airlangga dengan memainkan peranan penting sebagai hub dalam mendidik masyarakat sama ada dalam dan luar negara**. Justeru, lebih banyak program-program diharapkan akan dapat dijalankan dengan **kerjasama kedua-dua belah pihak pada masa akan datang**.

9. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak Fakulti Sains Kesihatan, Kampus Bertam dan Universitas Airlangga yang berjaya menjadikan apa yang dirancang di atas kertas menjadi suatu realiti. Saya berharap agar ukhuwah yang terjalin ini terus kukuh dan diperkasakan di masa hadapan.

PENUTUP

10. Mengakhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi **setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menjayakan program** termasuk delegasi dari Universitas Airlangga, barisan pensyarah, pentadbir dan

pelajar Kampus Bertam.

11. Dengan sukacitanya, dengan lafaz Bismillah-hirraman-nirrahim, saya dengan ini merasmikan
**“PROGRAM *INTERNATIONAL COMMUNITY SERVICE*
COLLABORATION DI ANTARA UiTM CAWANGAN
PULAU PINANG DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA
INDONESIA**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, terima kasih.